

17/05/2002

Pendidikan sepadu, penyertaan menyeluruh di MSAM 2002

BERMULA dengan Kuala Lumpur pada 2000, kemudiannya Kota Bharu, Kelantan pada 2001 dan pada 2002 di Alor Star, Kedah Minggu Saham Amanah Malaysia adalah agenda tahunan negara sebagai penggerak pembangunan industri saham amanah.

MSAM 2002 yang berlangsung dari 20 April hingga 26 April lalu menyaksikan kebanjiran lebih 160,000 pengunjung.

MSAM 2002 anjuran bersama Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Persekutuan Pengurus Saham Amanah Malaysia (FMUTM) menunjukkan kesungguhan dan komitmen tinggi untuk mendidik dan meningkatkan masyarakat yang celik pelaburan.

Penganjuran MSAM 2002 berteraskan pendidikan bersepadu memberi penekanan tentang kepentingan perancangan kewangan yang bijak.

Melalui perancangan kewangan yang bijak ini, individu dapat merancang kewangan untuk masa depan dengan lebih baik.

Sesungguhnya, kita tidak merancang untuk gagal tapi kita gagal untuk merancang. Siri seminar perancangan kewangan ini diadakan di beberapa tempat di seluruh negara bagi memberi peluang kepada masyarakat mengenali dan memahami konsep perancangan kewangan.

Pembabitan masyarakat dalam aktiviti MSAM 2002 yang berteraskan pendidikan pelaburan yang bersepadu ini dapat disaksikan daripada kehadiran para pengunjung yang datang tidak putus-putus sepanjang minggu tersebut.

Daripada kanak-kanak, pelajar sekolah dan universiti, golongan istimewa dan anak yatim, golongan profesional dan masyarakat umum semuanya terbabit dalam aktiviti yang diadakan. Masyarakat Orang Asli dari Lubuk Legong, Baling, Kedah turut bersama terbabit dalam aktiviti MSAM.

Sokongan padu daripada semua pihak yang terbabit menjayakan dan memantapkan lagi penganjuran MSAM 2002. Ini termasuk kerjasama erat oleh Kerajaan Negeri Kedah, jabatan negeri Kedah, Kementerian Pendidikan dan lain-lain.

Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis penutup dan majlis perasmian memperlihatkan kepentingan MSAM 2002 sebagai salah satu agenda tahunan negara dalam pembangunan masyarakat bijak dan celik pelaburan.

Kejayaan MSAM ini lebih manis apabila Sultan Kedah dan anakandanya turut berangkat mencemar duli melawat pameran MSAM 2002. Lawatan diraja ini tanda semua pihak terbabit dalam menjayakan sambutan MSAM.

Pembabitan lebih daripada 100 gerai yang terdiri daripada syarikat pelaburan PNB seperti UMW Holdings, Perodua, Maybank, MNI, MMC, Heitech dan Northport Corporation memberi peluang kepada orang ramai mengenali syarikat dengan lebih mendalam.

Selain itu, pembabitan badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Amanah Raya Berhad memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan dan kepentingan badan-badan ini dalam memantau dan mengawal selia industri saham amanah dan sebagainya.

Sokongan semua pihak membolehkan MSAM 2002 ini menjadi kejayaan dan seterusnya menjadi aspirasi kepada penganjuran MSAM pada tahun akan datang. Yang pastinya rakyat Malaysia akan ternanti-nantikan kehadirannya.

(END)